

Sedutan ucap terna Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Persidangan Antarabangsa mengenai Gerakan Kesederhanaan Global (GMM), di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.

Kesederhanaan bukan bermaksud lemah

Cara atasi cabaran jadi penentu kepada ketamadunan pada masa depan

B/H 18/1/12 MS/6.

EFFENDY RASHID | BERITA HARIAN


DI Malaysia, kesederhanaan sentiasa menjadi laluan yang kita pilih. Ia adalah bukti bagaimana kita mencapai kemerdekaan daripada British pada 1957; bagaimana kita memulihkan hubungan dengan Indonesia pada 1965; dan bagaimana kita membantu menubuhkan ASEAN pada 1967, pulih daripada peristiwa tragik Mei 1969, menjalinkan hubungan dengan China pada 1972, dan mengukuh dan meletakkan asas keselamatan dan komuniti ekonomi untuk ASEAN pada 1993 dan 2009. Semuanya menjadi saat penting untuk negara kita dan semuanya kita peroleh melalui perbincangan yang memberi manfaat dan perbincangan.

Tetapi apa yang lebih mengatasi pencapaian Malaysia sendiri, kesederhanaan itu fitrah atau inti pati kepada pencapaian terbesar manusia dalam membina ketamadunan dunia kerana tanpanya kita sudah lama tunduk kepada nikmat kesenangan dan keseronokan. Namun, sederhana bukan bermakna mempertahankan tekad, disiplin dan kekangan tetapi penerimaan, kebebasan, toleransi, kasih sayang, keadilan dan keamanan.

Sederhana bukan bermaksud menjadi lemah, beralah atau menyingkiskan amalan tidak baik. Dan ia juga bukan melakukan sesuatu yang sepatutnya mendapat perhatian sepenuhnya. Jauh daripada menjadi ideologi golongan lemah, yang sesetengah daripada kita percaya, kesederhanaan memberi kuasa kepada kita untuk ke depan dan berbuat kebaikan – memenuhi keperluan, kekecewaan dan kebimbangan orang lain pada masa sama memenuhi keperluan kita sendiri.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Ketika kita cuba membantu orang lain menamatkan ketidak-



NAJIB ketika menyampaikan ucap terna pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Gerakan Kesederhanaan Global.

adilan yang dapat menghancurkan penindasan, kita mesti sedar dan jangan kita lakukan kesilapan, kita bersama untuk berdepan masalah dalam sejarah dunia. Kita terpaksa berdepan dengan peperangan bentuk baru, krisis kewangan global dan bencana alam pada skala tidak pernah dilihat sebelum ini. Tetapi kita mesti menghadapinya dan cara kita pilih untuk mengatasi cabaran ini akan menjadi penentu kepada ketamadunan yang akan kita kongsi pada masa depan.

Setiap kita perlu membuat pilihan; sama ada memilih antara

permusuhan dan syak wasangka atau meneruskan usaha memahami pandangan sejagat sesama kita. Sudah tentu kita tidak boleh menganggap lautan dan teluk yang memisahkan akan memberi imuniti kepada konflik pihak lain.

Ketegangan di Afrika atau kata-kata kasar diucapkan di Amerika boleh membawa kesan bukan saja kepada mereka yang tinggal di sana, tetapi bagi kita semua. Dalam dunia lebuhraya maklumat hari ini, konflik yang berlaku tersebar pantas dan tiada siapa mempunyai monopoli kebenaran.

Sudah tentu, memang seronok

jika mendapat pujian, seperti Gerakan Kesederhanaan Global yang saya cadang bukan perkara baru. Kesederhanaan ialah satu nilai yang lama, yang menjadi jantung semua agama. Dalam Islam, Nabi Muhammad bersabda: “Kesederhanaan adalah tindakan yang terbaik.” Dalam agama Kristian, Alkitab mengatakan: “Biarlah kesederhanaan dikenali semua manusia.” dan dalam agama Yahudi, Taurat mengajarkan bahawa kesederhanaan dalam semua perkara adalah cara hidup mengikut nilai sebenar budaya Yahudi.

Tetapi jika kesederhanaan sudah lama dihayati dalam agama dunia, maka sebaliknya juga benar: ekstremisme tidak pernah dialu-alukan dalam masjid, gereja, rumah ibadat dan kuil. Menghasut kebencian secara semula jadinya yang bahaya dan ini ditambah dengan keengganan menerima pandangan dan nilai orang lain menjadikan ekstremisme ancaman kuat adalah perilaku.

Bagaimanapun, kebenaran tetap menang apabila tiba masanya. Sejarah telah dicipta bukan oleh mereka yang menyokong ekstremisme tetapi oleh mereka yang tidak menggadai kepercayaan dan tetap setia pada jalan kesederhanaan. Kita semua biasa dengan semangat kekuatan luar biasa dan kepemimpinan Mahatma Gandhi, Nelson Mandela dan Aung San Suu Kyi, tetapi anda tidak perlu menjadi pemimpin dunia untuk menjadi inspirasi. Kesederhanaan boleh menghasilkan perubahan dan sudah tiba masanya untuk semua orang tidak kira di mana jua, bangun dan bersatu hati berkata ‘tidak’ dengan tegas kepada penganas.

Sebab satu perkara yang jelas:

Semangat 1Malaysia kunci penyatuan pelbagai etnik

B/A 18/1/12 MS14

Penubuhan Institut Wasatiyyah galak kesederhanaan, keseimbangan dalam semua aspek

DARI MUKA 16

kita tidak boleh mengelak pandangan ekstrem dengan paksaan. Keganasan mengakibatkan keganasan – jadi cara terbaik bukan mendiamkan suara kebencian tetapi menggalakkan toleransi dan persefahaman dengan lebih kuat lagi. Pujukan, rundingan dan kerjasama adalah senjata kita untuk berdepan dengan permusuhan dan niat jahat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Ekstremisme sudah menjangkiti setiap negara, profesion dan semua orang. Tiada siapa yang kebal dan tiada sempadan yang terlepas daripadanya dan sebabnya mudah iaitu pelampau dengan pandangan mereka yang enggan mengecualikan mana-mana institusi sama ada suci atau sekular tanpa disentuh mereka.

Pelampau yang kita tahu didorong oleh kepercayaan ortodoks, impian yang muluk dicirikan oleh rasa mudah, membawa gambaran yang salah dan pembongkaran yang nyata. Daripada meraikan kesucian hidup seperti disarankan semua agama, pelampau menekankan keagungan hidup selepas mati. Daripada mencari dan menghormati kepelbagaian, mereka menyokong kejahatan dan sikap tidak bertoleransi. Mereka takut akan perubahan, membelakangkan kemajuan dan mahu hidup dalam dunia yang kekal tidak berubah.

Dasar dan mungkin tarikan pelampau ini ialah kehidupan mudah dan terpulung kepada pergerakan dan kumpulan yang banyak menyoal kebenaran hakiki secara sensitif, bijak dan cergas.

Tuan-tuan dan puan-puan,



Jadi, bagaimana kita boleh mencipta ekonomi global sederhana yang memenuhi keperluan ramai bukan hanya untuk segelintir orang? Bagaimana kita boleh memikirkan sistem yang adil hingga 99 peratus, bukan hanya untuk mereka di atas saja?



perang di Afghanistan dan Iraq.

Oleh itu, jika ajakan saya kepada kesederhanaan ini idealistik, ia juga realistik. Ramai sarjana Islam bimbang bagaimana Islam sebagai agama, budaya, politik, etika dan pandangan ekonomi boleh membantu menyelesaikan sebahagian daripada cabaran yang kita hadapi hari ini dan ada juga persoalan yang menarik minat saya – bagaimana kesederhanaan boleh menyelesaikan bukan saja masalah keganasan pelampau tetapi boleh membimbing kita menghadapi krisis ekonomi global ini.

Pope turut menyalahkan krisis kewangan global atas kekurangan asas etika kukuh untuk aktiviti ekonomi. Ketua Pendeta Britain, Jonathan Sacks, menulis betapa perlunya pekerja, bank dan pemegang saham dibimbing walaupun tidak ada orang memandang rasa teng-

tis gila, kefahaman amalan kewangan yang baru menggugat Wall Street dan menyebabkan kemusnahan hidup berjuta orang.

Tetapi bagaimana dengan lelaki dan wanita, bank dan peniaga yang tidak memikirkan perkara lain melainkan kekayaan mereka sendiri? Barisan wajah penjenayah nampak berbeza dengan galeri penyangak pelampau – dengan sut bergaya, bertugas di depan meja dan segak berbanding yang berkulit gelap, berjambang dan berwajah umpama veteran perang.

Ini semua gambaran yang diberitahu kepada kita mengenai ekstremisme tetapi ia juga membangkitkan persoalan penting: bagaimana rupa pelampau? Bagaimana kita boleh mengenali mereka? Jawapannya pelampau mempunyai banyak rupa dan kita hanya boleh mengenali melalui tindakan mereka.

Ya sesuatu yang saya percaya dunia boleh mengingatinya dengan baik, sering kali kebelakangan ini kita melihat keganasan dan Islam dibincangkan seolah-olah satu perkara sama. Selepas 9/11 contohnya, Asia Tenggara dilihat sebagai 'medan kedua' hanya kerana ia mempunyai bilangan Muslim tertinggi di dunia. Tetapi, keganasan tidak pernah mendapat tempat di sini berbanding di rantau lain di dunia.

Dan apabila kejahatan melanda Norway tahun lalu, kononnya pakar mengatakan serangan itu dilakukan pelampau Muslim. Kita dapat bahawa kebenarannya berbeza tetapi ahli politik, wartawan dan pengulas seluruh dunia terus komited dengan idea bahawa Islam dan keganasan adalah sama saja.

Selepas Timothy McVeigh menyebabkan ramai terbunuh di jalan raya bandar Oklahoma, tiada siapa

luruh dunia hari ini.

Bagaimana ini terjadi? Bagaimana tindakan pelampau oleh sebilangan kecil Muslim dilihat sebagai gambaran sebenar seluruh penganut Islam – dan membayangi keganasan yang berlaku merentas dunia hari demi hari oleh penganut agama lain mahupun yang tidak beragama. Fitnah jahat ini tidak boleh dibiarkan begitu saja – dan tidak mencukupi untuk berkata, banyak sudah dilakukan dan penyelesaian kepada keganasan ialah untuk Muslim bercakap. Kita perlu dengar daripada golongan sederhana semua agama di semua negara dan semua lapisan masyarakat – dan apabila kita mendengarnya, hadiah keamanan boleh dilihat semua.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Malaysia sudah lama sinonim bukan dengan keganasan tetapi kesederhanaan, toleransi, berunding dan menerima (pandangan orang lain). Sebagai negara Muslim yang terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Hindu, Buddha, Kristian, Tao dan Sikh, kami sedar pentingnya perbezaan. Kami mempunyai banyak kumpulan etnik, agama, tetapi kami terus berusaha hidup dalam harmoni dan bersatu padu dengan mengamalkan kesederhanaan melalui semangat 1Malaysia.

Kami tahu kami yang terbaik dan kuat apabila kami menghormati perbezaan dan dengan semangat ini kami bawa bersama mesyuarat julung kali dianjurkan Gerakan Kesederhanaan Global. Tetapi gerakan global sebenar tidak boleh dipaksa – oleh itu kita perlu gerakkan semua komuniti dan negara mementingkan kebenaran mengatasi kejahatan, kepalsuan dan ketakutan.



Malaysia sudah lama sinonim bukan dengan keganasan tetapi kesederhanaan, toleransi, berunding dan menerima (pandangan orang lain)



juangan menentang keganasan daripada badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan. Selain menjadi badan khusus kepada Malaysia, adalah lebih baik GMM menjadi pelengkap kepada usaha dialog dan kerjasama global seperti United Nations Alliance of Civilisations.

Ia bukan kempen untuk orang yang lemah semangat tetapi kita tidak boleh membiarkan saat ini diambil oleh pelampau, siapa yang menjerit lebih kuat dia yang dapat untung. Memetik kata-kata keamanan Mahatma Gandhi: 'sikap membalas dendam hanya menyebabkan masalah berterusan' – oleh itu, tiba masanya golongan sederhana berdiri teguh dan bangga untuk menghilangkan tarikan golongan pelampau dan memastikan suara mereka di dengar di mana saja.

Saya berharap, persidangan tahunan ini akan memberi peluang untuk kita semua mencambah fikiran, berdebat dan meneroka cabaran di depan. Persoalan timbul: Apa yang diperlukan untuk idea dan nilai menjadi gerakan global sebenar? Bagaimana kita hendak menyuntik ke-

Tuan-tuan dan puan-puan,

Bercakap mengenai ekstremisme dan tindakan pelampau menjelamkan imej dahsyat pembunuhan, kacau bilau dan penderitaan tetapi ekstremisme tidak selalunya ganas

dan saya percaya kita terima ke-sannya mengikut tafsiran sendiri. Contohnya, keadaan yang ekstrem tetapi tidak ganas ialah krisis kewangan global.

Dibandingkan dengan imej keganasan mengejutkan dunia pada 9/11 – adegan kemusnahan pada skala epik yang meninggalkan parut dan membakar hati nurani seluruh dunia.

Tiada yang luar biasa atau tidak dijangka, tetapi tanpa sebutir peluru, krisis besar adalah disebabkan penyelewengan Wall Street hampir membawa bencana kepada dunia. Empat tahun berlalu dan masih tiada kesudahan. Zon Eropah masih lagi dalam krisis. Tidak ter-kira yang kehilangan kerja, rumah dan keselamatan. Ini ditambah kos kemanusiaan kira-kira AS\$14 trilion yang dibelanjakan untuk pelan penyelamat – 10 kali ganda kos

ada orang memandangi, tiada siapa bertanggungjawab dan apa yang betul dan untuk Muslim seperti saya, struktur dan prinsip kewangan Islam meletakkan kepentingan umum berbanding keuntungan individu.

Jadi, bagaimana kita boleh mencipta ekonomi global sederhana yang memenuhi keperluan ramai bukan hanya untuk segelintir orang? Bagaimana kita boleh memikirkan sistem yang adil hingga 99 peratus, bukan hanya untuk mereka di atas saja? Mudah saja, kita tidak boleh membenarkan pasaran berasaskan bebas nilai atau nilai neutral. Pasaran seperti semua tahu, hanya jalan ke arah meningkatkan kemakmuran global dan mengekalkan pertumbuhan stabil – tetapi kita mesti menolak kesan tidak adil yang dihasilkan apabila dibiarkan tanpa pemeriksaan dan dengan keadaan amalan ekonomi yang sembrono membawa sistem kewangan global kita tersungkur.

Pertaruhan yang terlalu besar, kemudahan kredit yang membingungkan. Pinjaman subprima. Seperti makhluk hodoh ciptaan sain-

raya bandar Oklahama, tiada siapa mencadangkan semua penganut Kristian bertanggungjawab. Untuk menyuarakannya pasti dilihat tidak munasabah tetapi itulah yang dihadapi 1.3 bilion Muslim di se-



Selepas 9/11 contohnya, Asia Tenggara dilihat sebagai 'medan kedua' hanya kerana ia mempunyai bilangan Muslim tertinggi di dunia. Tetapi, keganasan tidak pernah mendapat tempat di sini berbanding di rantau lain di dunia



tan.

Saya berbesar hati untuk mengumumkan hari ini penubuhan Institut Wasatiyyah Malaysia, di bawah Pejabat Perdana Menteri, untuk menggalakkan kesederhanaan dan keseimbangan dalam semua aspek termasuk demokrasi, perundangan, pendidikan, kemanusiaan dan keadilan sosial.

Sarjana hebat, Al-Imam Ibnul Qayyim berkata: wasatiyyah – kesederhanaan atau keseimbangan – tidak terlalu berlembut dan tidak terlalu ekstrem ibarat oasis antara dua gunung, dan untuk menggalakkan lebih ramai sarjana seperti itu pada masa depan, kita juga akan melantik ahli akademik menduduki Kursi Wasatiyyah di Universiti Malaya, dan calonnya akan diumumkan kemudian.

Untuk menyebarkan hasil kerja ini pada peringkat antarabangsa, saya gembira untuk mengumumkan pelancaran Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global sebagai pusat penyatuan dan penyebaran maklumat dan bahan kempen kepada sesiapa yang ingin menyertai per-

sedherhanaan dalam keputusan polisi luar negara dan penilaian ekonomi domestik? Dan apa boleh kita belajar daripada satu sama lain untuk mempromosikan dan memahami toleransi dan keamanan?

Mungkin saya naif untuk berharap dunia tanpa ketakutan, tiada tolak ansur dan semua kebencian dan kesengsaraan dilakukan sesama manusia – tetapi harga kegagalan jika tidak mengambil langkah menanganinya akan membawa padah lebih besar. Oleh itu, kita mesti berani bermimpi besar dan berani membayangkan apa yang tidak terbayang sebelum ini dan mari kita tukar retorik lantang dalam bentuk tindakan. Penindasan dan keganasan hanya boleh dikalahkan jika lelaki dan wanita berganding sama dan bersedia menukarkan retorik kepada tindakan dan pandangan kepada perbuatan.

Jadi, mari kita semua hari ini bersama berazam untuk berubah dan mulakan tugas membina gabungan kesederhanaan baru – dan saya berterima kasih kepada anda yang hadir.